

Headline	47,344 unit RMR1M diluluskan sejak 2002		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	52	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,640
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,919



## 47,344 unit RMR1M diluluskan sejak 2002

KOTA BHARU – Sebanyak 47,344 unit daripada 88,992 Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) yang dipohon dari tahun 2002 sehingga 31 Ogos 2017 telah diluluskan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), kata Pengerusi SPNB Mesra Sdn Bhd, Datuk Mohamed Hasnan Che Hussin.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, 38,734 unit telah berjaya disiapkan.

“6,405 unit dalam proses pembinaan dan 2,205 unit pula sedang dalam peringkat dokumen perjanjian.

“Sebanyak 29,534 permohonan telah ditolak dan 12,114 permohonan kini masih di dalam senarai menunggu,” katanya selepas menyerahkan surat tawaran dan menandatangani dokumen perjanjian RMR1M kepada mangsa kebakaran di Wakaf Che Yeh.

Turut hadir, Ketua Eksekutif SPNB Mesra Sdn Bhd, Wan Azlan Wan Ab Rahman.

Katanya lagi, di Kelantan sahaja, untuk tempoh yang sama, sebanyak 11,091 permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 6,783 permohonan telah diluluskan dan 5,520 unit rumah telah berjaya disiapkan.

Beliau berkata, kini 1,157 unit dalam proses pembinaan, 106 permohonan lagi sedang dalam peringkat dokumen perjanjian dan 1,215 pemohon pula masih dalam



Hasnan (kiri) menyampaikan surat tawaran kepada Asnah Mustafa, semalam.

senarai menunggu.

“Sebanyak RM422.12 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan RMR1M di Kelantan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM134.22 juta subsidi telah diberikan kepada pemohon yang layak.

“Program RMR1M ini telah mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat di seluruh negara. Dengan sambutan yang diterima menyebabkan jumlah permohonan

melebihi peruntukan tahunan yang disediakan.

“Perkara ini secara tidak langsung telah menyebabkan terdapatnya permohonan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan tidak dapat dilaksanakan pada tahun tersebut,” katanya.

Katanya lagi, terdapat 12,114 pemohon yang masih di dalam senarai menunggu di seluruh negara.